

B596

MAHATHIR-ARANG BATU

1981

KUCHING, 23 JUN (BERNAMA)—SARAWAK MEMPUNYAI BANYAK POTENSI ARANG BATU UNTUK DIMAJUKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN TEMPATAN DAN MUNGKIN JUGA UNTUK EKSPORT, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SEBUAH SYARIKAT AMERIKA SEDANG MENYIASAT KIRA-KIRA 200 JUTA TAN BAHAN TERSEBUT DI SATU KAWASAN YANG TIDAK DIUMUMKAN.

“SEBAIK SAHAJA BEBERAPA PERJANJIAN DAPAT DITANDATANGANI DENGAN MEREKA SAYA YAKIN MEREKA AKAN MEMULAKAN SATU KAJIAN KEMUNGKINAN SECARA TERPERINCI.” KATANYA.

DI SELANTIK, BAHAGIAN PERTAMA SARAWAK KATANYA KIRA-KIRA 12 JUTA TAN ARANG BATU AKAN DIMAJUKAN OLEH PIHAK TEMPATAN DAN SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK KERAJAAN NEGERI KEDAH DAN PENGUSAHA-PENGUSAHA JEPUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ARANG BATU DIPERLUKAN BAGI KILANG SIMEN YANG AKAN DIDIRIKAN DI LANGKAWI, KEDAH DAN ARANG BATU BERMUTI TINGGI ITU JUGA BOLEH DIEKSPORT UNTUK DIGUNAKAN BAGI KILANG-KILANG BESI.—BERSAMBUNG 1657/HM

B597

MAHATHIR-ARANG BATU 2 KUCHING

BELIAU MENYATAKAN BAHAWA SATU LAGI KAWASAN DI BINTULU TELAH DIKENALPASTI SEBAGAI KAWASAN YANG BERPOTENSI DI NEGERI INI DENGAN KANDUNGAN ARANG BATU HAMPIR 80 JUTA TAN.

MENGENAI KUASA HAIDRO ELEKTRIK (HEP) DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI ADALAH SATU LAGI POTENSI BAGI NEGERI INI DAN SEKIRANYA DIMAJUKAN DENGAN BETUL AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA NEGARA.

BAGAIMANAPUN, MASALAH-MASALAH SEPERTI MEMERLUKAN MODAL YANG BANYAK AKAN DIPUTUSKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG MUNGKIN AKAN MENIMBANGKAN UNTUK PROJEK-PROJEK SEUMPAMA ITU SEKALI DENGAN PROJEK-PROJEK BESAR YANG LAIN DI NEGERA INI.

BELIAU MENYATAKAN BAHAWA POTENSI KUASA HAIDRO DI SARAWAK SUNGGUH BESAR DAN MENGIKUT TEORI IA BERKEMAMPUAN UNTUK MEMBEKALKAN KEPERLUAN SELURUH JEPUN.

SEDANGKAN PROJEK BALUI-PELAGUS DI BAHAGIAN KETUJUH MUNGKIN DAPAT MEMBEKALKAN SEBAHAGIAN DARI KEPERLUAN TENAGA SEMENANJUNG MALAYSIA MENJELANG TAHUN 2.000.

202

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MELAWAT BINTULU SEMALAM DAN MENDENGAR TAKLIMAT YANG DISAMPAIKAN OLEH PENGURUS LEMBAGA PEMBANGUNAN BINTULU, ENCIK SULONG MATJARAE, BERKATA USAHA UNTUK MENJADIKAN KAWASAN ITU SEBAGAI SEBUAH KOMPLEKS PERUNDUSTRIAN TELAH BERJALAN DENGAN BAIK.—BERSAMBUNG 1700/HM

MAHATHIR—ARANG BATU 3 KUCHING

BELIAU BERKATA KEJAYAAN PROJEK—PROJEK INI BERGANTUNG KEPADA SAMBUTAN RAKYAT SARAWAK SUPAYA MENYERTAI PEMBANGUNANNYA.

BELIAU JUGA MEMBAYANGKAN BAHAWA SEBUAH KILANG MELABUR ALUMINUM MUNGKIN DIDIRIKAN DI BINTULU TETAPI BERGANTUNG KEPADA TERDAPATNYA TENAGA MURAH.

KERAJAAN MASIH BERHARAP PROJEK BESI SPONGE DAPAY DIWUJUDKAN DI BINTULU TETAPI SATU KAJIAN MENUNJUKKAN BAHAWA KILANG PERTAMA MESTILAH DIDIRIKAN DI LABUAN SABAH DAN YANG KEDUA DI TRENGGANU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGADAKAN RUNDINGAN SINGKAT DENGAN KETUA MENTERI DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR TAN SRI ONG KEE HUI DAN MENTERI TENAGA TELEKOM DAN POS, DATUK LEO MOGGIE.

TENGAH HARI TADI BELIAU BERSAMA—SAMA MENTERI—MENTERI KABINET NEGERI, WAKIL—WAKIL RAKYAP DAN KETUA—KETUA JABATAN TELAH MENGHADIRI JAMUAN DI BILIK BANGKUASI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

—BERNAMA 1704/HM